

**TAHAP PENGGUNAAN SASTERA LISAN PALAMOLI DALAM
PERTUTURAN GURU-GURU BAHASA TAMIL SJKT
DI DAERAH KINTA**

PATHAMAVATHY A/P PANDI

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA KESUSASTERAAN TAMIL
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan rasa kesyukuran kepada Tuhan yang maha berkuasa kerana saya berjaya menyiapkan kajian ini dalam bentuk yang tersedia. Dengan hati yang tulus dan ikhlas, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah, Dr. Karthegees a/l Ponniah atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan oleh beliau sepanjang kajian ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada pihak pentadbir kesemua 23 buah SJKT Daerah Kinta yang memberikan kebenaran untuk menjalankan kajian di sekolah mereka dan menjayakan kajian ini. Tidak lupa juga kepada guru-guru Bahasa Tamil SJKT Daerah Kinta kerana sudi memainkan peranan dan memberikan kerjasama sebagai responden kajian ini. Penghargaan ini juga saya tujukan kepada ahli keluarga saya yang banyak memberikan sokongan sehingga ke akhir kajian ini. Akhir sekali saya ingin mencatatkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam memberikan bantuan dan galakkan sepanjang kajian ini dijalankan.





ABSTRAK

Palamoli merupakan sastera lisan Tamil yang masih relevan digunakan dalam pertuturan. *Palamoli* menjadi agen penyampaian maklumat secara tersurat dan tersirat dengan susunan kata-kata pendek yang bermakna luas, bijak dan senang difahami. Di Malaysia, *Palamoli* diterapkan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil Rendah dan Menengah serta diamalkan dalam pertuturan harian masyarakat Tamil sejak dahulu lagi. Guru-guru Bahasa Tamil SJKT memainkan peranan sebagai pengajar, penutur dan penyebar *Palamoli* yang terpenting di Malaysia. Maka kajian ini mengorak langkah awal dalam meninjau tahap penggunaan sastera lisan *Palamoli* dalam pertuturan guru-guru Bahasa Tamil SJKT di Daerah Kinta terlebih dahulu. Pengkhususan kajian ini hanya bertumpu pada kekerapan pertuturan *Palamoli*, golongan sasaran pertuturan *Palamoli*, tujuan pertuturan *Palamoli* dan kesan pertuturan *Palamoli* dalam kalangan guru-guru Bahasa Tamil SJKT di Daerah Kinta. Kajian tinjauan ini menggunakan kaedah kuantitatif untuk mengumpul data inferens melalui 2 bahagian instrumen soal selidik. Seramai 130 orang responden telah dilibatkan dalam kajian ini sebagai sampel perwakilan populasi kajian. Dapatan kajian ini memberikan gambaran realiti terkini terhadap tahap pertuturan *Palamoli* guru-guru Bahasa Tamil SJKT di Daerah Kinta. Kekerapan pertuturan *Palamoli* guru-guru Bahasa Tamil SJKT di Daerah Kinta dalam tempoh masa sebulan mencatatkan kadaran sekali-sekala. Guru-guru Bahasa Tamil SJKT di Daerah Kinta juga mempertuturkan *Palamoli* pada kadar sekali-sekala dengan pelbagai golongan sasaran. Begitu juga dengan kekerapan tujuan pertuturan *Palamoli* dan kekerapan kesan pertuturan *Palamoli* yang turut mencatatkan kadaran sekali-sekala. Kajian ini dapat memberi manfaat sebagai dokumen rujukan kepada penyelidikan lain yang berfokus kepada penggunaan *Palamoli* dan seterusnya ke arah peningkatan penggunaan *Palamoli* terutamanya dalam kalangan guru-guru Bahasa Tamil SJKT di Daerah Kinta .





THE USAGE LEVEL OF *PALAMOLI*, THE ORAL LITERATURE IN THE SPEECH OF THE TAMIL LANGUAGE TEACHERS OF SJKT IN KINTA DISTRICT.

ABSTRACT

Palamoli is a Tamil oral literature that can be relevantly used in speech till date. *Palamoli* is an explicit and subtler agent of information that is implied in the form of short words that are meaningful, intelligible and easy to understand. In Malaysia, *Palamoli* is implemented in the Primary and Secondary Tamil Syllabus and is practiced in the daily speech of Tamils. SJKT Tamil teachers play the major role as *Palamoli* 's most important educators, speakers and spreaders in Malaysia. Therefore, this study marks the first step in examining the level of use of *Palamoli* in oral literacy of SJKT Tamil teachers in Kinta District. The focus of this study is on the frequency of *Palamoli* speech, the target group of *Palamoli* speech, the purpose of *Palamoli* speech and effect of *Palamoli* speech among the SJKT Tamil teachers in Kinta District. This study uses quantitative method to collect inference data through 2 sections of questionnaire instruments. A total of 130 respondents was included in this study as a representative sample of the study population. The findings of this study provide an overview of the current state of *Palamoli* in speech of the Tamil language teachers of SJKT in Kinta District. Frequency of *Palamoli* in speech among the SJKT Tamil teachers in the Kinta District over a period of one month has been recorded to be in occasional proportions. The SJKT Tamil teachers in Kinta District also speak *Palamoli* on an occasional basis with various groups of people. Similarly, the frequency of both purpose and effects of *Palamoli* in speech seem to register an occasional rate as well. This study could also serve as a reference document for other researches focusing on the use of *Palamoli* and further on increasing usage of *Palamoli*, especially among the Tamil language teachers of SJKT in Kinta District.





KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI TRANSLITERASI	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi



BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang kajian	4
1.3	Pernyataan Masalah	15
1.4	Objektif Kajian	21
1.5	Soalan Kajian	22
1.6	Kepentingan Kajian	23
1.7	Batasan Kajian	26
1.8	Definisi Operational	27
1.8.1	Guru-Guru Bahasa Tamil SJKT	28
1.8.2	<i>Palamoli</i>	28
1.8.3	Pertuturan	30
1.9	Kesimpulan	31

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	33
2.2	Kesusasteraan Tamil	34
2.3	<i>Palamoli</i> Sebagai Kesusasteraan Lisan Tamil	36
2.4	Kedudukan <i>Palamoli</i> Dalam Konsep Kemahiran Lisan	39
2.5	Definisi Dan Fungsi <i>Palamoli</i>	46

2.6	<i>Paḷamoli</i> Dalam Sukatan Pelajaran Tamil	57
2.6.1	<i>Paḷamoli</i> Dalam KBSR	59
2.6.2	<i>Paḷamoli</i> Dalam KBSM	62
2.6.3	<i>Paḷamoli</i> Dalam KSSR	64
2.6.4	<i>Paḷamoli</i> Dalam KSSM	66
2.7	Kemahiran Bahasa Masyarakat Tamil Malaysia	69
2.8	Guru Bahasa Tamil Di Malaysia	74
2.9	Kajian-Kajian Lepas <i>Paḷamoli</i> Dalam Pendidikan	76
2.10	Kajian-Kajian Lepas Dalam Bidang <i>Paḷamoli</i>	79
2.11	Kesimpulan	89

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	91
3.2	Reka Bentuk Kajian	95
3.3	Lokasi Dan Populasi Kajian	97
3.4	Instrumen Kajian	101
3.5	Kajian Rintis	109
3.6	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen	111
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	115
3.8	Penganalisan Data	117

3.9	Kesimpulan	119
-----	------------	-----

BAB 4 ANALISIS, DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pendahuluan	120
4.2	Analisis Demografi Guru-Guru Bahasa Tamil SJKT Sebagai Responden	122
4.3	Analisis Soalan Selidik Kajian	127
4.3.1	Kekerapan Pertuturan <i>Palamoli</i> Guru-Guru Bahasa Tamil SJKT Daerah Kinta Dalam Tempoh Masa Sebulan Dan Perhubungan Teori Model <i>Multi-Store Long Term Memory</i> oleh Tulving (1972)	128
4.3.2	Perbandingan Kekerapan Pertuturan <i>Palamoli</i> Dalam Kalangan Guru-Guru Bahasa Tamil SJKT Daerah Kinta Dengan Faktor Pengalaman Mengajar	142
4.3.3	Kekerapan Pertuturan <i>Palamoli</i> Dalam Kalangan Guru-Guru Bahasa Tamil SJKT Daerah Kinta dengan golongan sasaran pertuturan	148
4.3.4	Tujuan Pertuturan <i>Palamoli</i> Dalam Kalangan Guru-Guru Bahasa Tamil SJKT Daerah Kinta	157
4.3.5	Kesan Pertuturan <i>Palamoli</i> Dalam Kalangan Guru-Guru Bahasa Tamil SJKT Daerah Kinta	174
4.4	Kesimpulan	190



BAB 5 RINGKASAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	192
5.2	Ringkasan Kajian	193
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	195
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	210
5.5	Kesimpulan	212

RUJUKAN

LAMPIRAN



**SENARAI JADUAL****NO. JADUAL****MUKA SURAT**

3.1	Dimensi Reka Bentuk Kajian	96
3.2	Populasi Penduduk Daerah Kinta Di Negeri Perak	99
3.3	Bilangan Guru Bahasa Tamil SJKT Daerah Kinta Sebagai Populasi Kajian	100
3.4	Kriteria Borang Maklumat Responden	103
3.5	Kriteria Instrumen Soal Selidik Bahagian 1	103
3.6	Kriteria Instrumen Soal Selidik Bahagian 2	105
3.7	Soalan Terbuka Bagi Setiap Konstrak Soalan Selidik Bahagian 2	107
3.8	Nilaian Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Berskala Likert (Kaisermeyer-Olkin, 1970)	113
4.1	Maklumat Jantina Dan Umur Responden Guru-Guru Bahasa Tamil SJKT Daerah Kinta	123
4.2	Perincian Pengalaman Mengajar Dan Peringkat Umur Responden Guru-Guru Bahasa Tamil SJKT Daerah Kinta	126
4.3	Tahap Kekerapan Pertuturan Palamoli Guru-Guru Bahasa Tamil SJKT Daerah Kinta Dalam Tempoh Masa Sebulan	129
4.4	Perbandingan 'Kekerapan Pertuturan Palamoli' Dalam Kalangan Guru-Guru Bahasa Tamil SJKT Daerah Kinta Dengan Faktor 'Pengalaman Mengajar'	143





4.5	Kekerapan Pertuturan Palamoli' Guru-Guru Bahasa Tamil SJKT Daerah Kinta Dengan 'Golongan Sasaran Pertuturan'	149
4.6	Kekerapan 'Tujuan Pertuturan Palamoli' Dalam Kalangan Guru-Guru Bahasa Tamil SJKT Daerah Kinta	158
4.7	Kekerapan 'Kesan Pertuturan Palamoli' Dalam Kalangan Guru-Guru Bahasa Tamil SJKT Daerah Kinta	175



**SENARAI RAJAH****NO. RAJAH****MUKA SURAT**

1.1	Komponen Sastera Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil KBSR (2003) Dan KBSM (2010)	9
1.2	Komponen Sastera Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil KSSR (2012) Dan KSSM (2016)	10
1.3	Pemeringkatan Palamoli Di Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil Pendidikan Rendah Dan Pendidikan Menengah	12
1.4	Perbandingan Bilangan Palamoli Dalam Sukatan Pelajaran KBSR/KSSR Dengan KBSM/KSSM	12
2.1	Tahap Pemahaman Bahasa Masyarakat India	70
3.1	Kerangka Ruang Lingkup Ontologi Dan Epistemologi Kajian	92
3.2	Kerangka Konseptual Kajian	93
3.3	Peta Kedudukan Daerah Kinta Di Negeri Perak	98
3.4	Kenormalan Q-Q Plot Bagi Data Konstrak 'Kekerapan Pertuturan Palamoli'	114
3.5	Carta Aliran Prosedur Pengumpulan Data Melalui Soal Selidik	115
3.6	Model Kolerasi Penganalisan Data Tahap Kekerapan Pertuturan Palamoli	118





4.1	Kelayakan Akademik Guru-Guru Bahasa Tamil SJKT Daerah Kinta	124
4.2	Pengalaman Mengajar Guru-Guru Bahasa Tamil SJKT Daerah Kinta	125
4.3	Kekerapan Pertuturan Palamoli Guru-Guru Bahasa Tamil SJKT Daerah Kinta Dalam Tempoh Masa Sebulan	129
4.4	Perbandingan 'Kekerapan Pertuturan Palamoli' Dalam Kalangan Guru-Guru Bahasa Tamil SJKT Daerah Kinta Dengan Faktor 'Pengalaman Mengajar' Pada Tahap Membina Dan Sederhana	144
4.5	Kekerapan Pertuturan Palamoli' Dalam Pertuturan Guru-Guru Bahasa Tamil SJKT Daerah Kinta Dengan 'Golongan Sasaran Pertuturan' Pada Tahap Kritikal, Sederhana Dan Tinggi	156
4.6	Taburan Pertimbangan 'Tujuan Pertuturan Palamoli' Dalam Kalangan Guru-Guru Bahasa Tamil SJKT Daerah Kinta	169
4.7	Nilai Min Kekerapan 'Tujuan Pertuturan Palamoli' Dalam Kalangan Guru-Guru Bahasa Tamil SJKT Daerah Kinta	171
4.8	Kemenjadian 'Kesan Pertuturan Palamoli' Dalam Pertuturan Guru-Guru Bahasa Tamil SJKT Daerah Kinta	187
4.9	Nilai Min Kekerapan 'Kesan Pertuturan Palamoli' Dalam Kalangan Guru-Guru Bahasa Tamil SJKT Daerah Kinta	189



SENARAI SINGKATAN

KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SK	Sekolah Kebangsaan
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
S.M	Sebelum Masihi
M	Masihi
SP	Sukatan Pelajaran
HSP	Huraian Sukatan Pelajaran
TP	Tahap Pembelajaran

DSKP Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

SPSS Statistical Package For Social Science



SENARAI TRANSLITERASI TAMIL

Penggunaan transliterasi istilah-iatilah Bahasa Tamil melalui transliterasi Bahasa Melayu dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada sistem transliterasi yang digunakan dalam *Google Translate*. Berikut adalah dasar kepada transliterasi huruf-huruf Bahasa Tamil.

VOKAL		
அ - a	உ - u	ஐ - ai
ஆ - ā	ஊ - ū	ஒ - o
இ - i	எ - e	ஓ - ō
ஈ - ī	ஏ - ē	ஔ - au
		஁ - ĩ

KONSONEN		
க - k	ங் - ṅ	ய் - y
ச - c	ஞ் - ṇ	ர் - r
ட் - ṭ	ண் - ṇ	ல் - l
த் - t	ந் - n	வ் - v
ப் - p	ம் - m	ழ் - ḷ
ற் - ṛ	ன் - ṇ	ள் - ḷ



SENARAI LAMPIRAN

- A Makluman Borang Soal Selidik
- B Borang Maklumat Responden
- C Borang Soal Selidik Bahagian 1
- D Borang Soal Selidik Bahagian 2- Konstrak 1
- E Borang Soal Selidik Bahagian 2- Konstrak 2
- F Borang Soal Selidik Bahagian 2-Konstrak 3
- G Borang Soal Selidik Bahagian 2- Konstrak 4
- H Borang Soal Selidik Bahagian 2- Penilaian Kendiri



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Bahasa dan kesusasteraan merupakan salah satu ciri ketamadunan manusia. Kebaikan dan kegunaannya dalam kehidupan harian masyarakat yang mengamalkan budaya sastera amatlah tinggi nilainya. Karthikesu Sivathamby (2000), menegaskan pendapat ini bahawa pembentukan sastera adalah penting untuk perkembangan sosial kerana masyarakat tanpa kesusasteraan ialah masyarakat yang tidak teratur.





Menurut Hashim Awang (2015), makna khusus kesusasteraan ialah hasil seni yang menggunakan bahasa sebagai perantaraannya, yang lebih menjurus untuk memasukkan hasil penghasilan kreatif dan imaginatif baik bersifat tulisan mahupun lisan. Bidang sastera mempunyai identitinya tersendiri dan tidak dapat ditolak hakikatnya bahawa karya sastera adalah satu fenomena sosial yang diturunkan turun temurun. Walau apapun bahasanya, sastera klasik disanjung dan dipelihara di samping menggalakkan pembangkitan kesusasteraan moden.

Menurut Shulman (2016), Tamadun Tamil bermula jauh sebelum Zaman Chola dan berterusan sehingga zaman moden kini. Varatharasan (2010), menyatakan bahawa sastera Tamil mempunyai sejarah hampir dua puluh lima abad. Pada masa yang sama, sastera Tamil juga berfungsi sebagai domain yang menambah kekayaan masyarakat dari segi etika, materialistik dan kesejahteraan hidup masyarakat Tamil (Thirupathi, 2014).

Di samping karya sastera bertulis, sastera lisan Tamil klasik juga telah diturunkan melalui pertuturan harian masyarakat Tamil di India dan kemudian menjadi ikutan masyarakat Tamil di Malaysia. Menurut Saarlinaadan (1993), Sastera lisan mempunyai intuisi minda manusia. Sastera lisan disebarikan melalui pertuturan dari satu generasi ke generasi. Sebaliknya, ia juga merupakan agen perhubungan komunikasi antara seni, bahasa, budaya, kepercayaan agama, nilai kehidupan dan peristiwa bersejarah dalam kalangan semua lapisan masyarakat.





Sehubung dengan itu, *Palamoli* adalah salah sebuah bentuk sastera lisan klasik Bahasa Tamil yang masih dipraktikkan oleh masyarakat Tamil sedunia. Pengasas dan zaman kewujudan *Palamoli* sukar ditentukan kerana tidak mengikut tradisi penghasilan sastera klasik Tamil yang lazim seperti karya *Ceyyul*. *Palamoli* berbentuk ungkapan lisan berdasarkan akal dan pengalaman individu biasa dan tidak diskripiikan atau direkodkan secara khusus dan hanya bergantung kepada pemindahan secara lisan.

Kebijaksanaan dan kepetahan bahasa masyarakat Tamil telah melahirkan ribuan ungkapan *Palamoli* hasil refleksi pengalaman manusia yang luas. *Palamoli* merangkumi pelbagai bidang dan tema di sekitar kehidupan harian seperti kekeluargaan, kesihatan, pemakanan, perubatan, pendidikan, pertanian, politik, persahabatan, sains, budaya, kebendaan, kewangan, nilai murni, kesenian dan falsafah.

Pemikiran masyarakat Tamil disampaikan secara tersirat dan tersurat dalam pertuturan sebagai ungkapan *Palamoli*. Pemikiran memainkan peranan penting dalam penggunaan *Palamoli* hinggakan individu yang kurang kebijaksanaan tutur bahasa juga boleh menuturkan kebenaran berupa *Palamoli* dalam pertuturan harian (Thurai Singham, 2004). Lumrahnya, gaya dan penggunaan kesusasteraan menurut kehendak dan kebijaksanaan sesuatu masyarakat tanpa kemusykilan. Maka *Palamoli* masih digunakan oleh semua lapisan masyarakat Tamil kerana ia menurut naluri warisan penutur atau pendengar.



Di Malaysia, komponen sastera lisan ini telah sekian lama digunakan dalam pertuturan dan penulisan masyarakat Tamil disamping mendapat peneguhan daripada pendidikan di sekolah-sekolah Tamil yang berlegasi 200 tahun pendidikan Tamil (Majalah Pendidik, 2016 Nov). Dalam situasi ini, *Palamoli* telah melalui zaman kegemilangan dan kemelesetan penggunaan. Pengurangan penggunaan *Palamoli* tidak dapat dielakkan, kerana perkara ini berlaku secara perlahan tanpa disedari akibat peredaran zaman yang pantas ke arah permodenan.

Justeru itu, kajian ini akan berfokus pada analisis penggunaan *Palamoli* dalam pertuturan guru-guru Bahasa Tamil di Daerah Kinta yang merupakan antara golongan terpenting dalam penyebaran bahasa dan sastera. Keberhasilan kajian ini khususnya akan menonjolkan tahap kekerapan penggunaan *Palamoli* dalam pertuturan guru-guru Bahasa Tamil di Daerah Kinta di samping mencetuskan kesedaran dan nilai menghayati sastera lisan *Palamoli*.

1.2 Latar Belakang Kajian

Hujah dan perkongsian pendapat telah bermula sejak zaman kewujudan manusia. Terbentuknya perbualan daripada bunyi kepada perkataan, ungkapan dan seterusnya pertuturan (Karunakaran, 2013). Bahasa lisan ialah alat yang digunakan dalam



perhubungan, tetapi ia juga merupakan aktiviti yang sebenar dalam perhubungan masyarakat (Aminudin Mansor, 2014).

Komunikasi secara lisan dalam kehidupan harian mementingkan ketepatan mesej yang bergantung pada kebolehan sumber memilih perkataan atau istilah yang boleh mewakili maksud sebenar ideanya serta ketepatan lafaz sebutan (Abdul Mua'yi @ Zamri, 2001). Pertuturan manusia adalah asas kepada sastera lisan dan bertulis. Kesenambungan kemahiran bertutur menghasilkan sastera lisan dan seterusnya karya sastera.

Kemahiran lisan dan mendengar ialah sistem bahasa primer. Tulisan dan bacaan adalah peringkat seterusnya. Bahasa lisan adalah lebih berpengaruh daripada bahasa bertulis. Lazimnya, penyampaian sastera lisan telah dibawa dalam ingatan dan diturunkan oleh penyampai yang mahir berbahasa (Varatharasan, 2010). Pernyataan berkenaan membuktikan sastera lisan lebih berwibawa kerana ia ditutur dan dibicarakan dalam sesebuah masyarakat dalam jangka masa panjang dan terus memperkasakan bidang sastera lisan mahupun sastera bertulis.

Abdul Mua'yi @ Zamri Ahmad (2001), menegaskan keperluan komunikasi menimbul untuk menyatakan hasrat. Kita perlu berhubung dengan orang yang hadir dalam hidup kita seharian. Kita perlu menyatakan kepada mereka apa yang kita perlukan dan apa yang kita tidak perlukan daripada mereka. Kita perlu menunjukan dan mempengaruhi mereka untuk bertindak seperti mana yang kita hajati. Maka dasarnya





sastera lisan bertindak sebagai komunikasi dalam penyampaian ilmu atau mesej yang dihasratkan. Fungsi sastera lisan sama penting seperti sastera bertulis.

Tambahan pula, peranan keunggulan sastera bukan sekadar hasil ciptaan dahulu kala malah ia mempunyai fungsi penggunaan semasa secara efektif dalam institusi kemasyarakatan (Karthikeyan Sivathambi, 2000). Tidak ada alasan bahawa komponen sastera lisan klasik tidak diperlukan di zaman moden yang kurang berkomunikasi lisan. Kini generasi moden abad ke-21, gemar berkomunikasi secara teks melalui gadget telekomunikasi tanpa bersemuka dengan alasan ianya ringkas dan cepat. Namun impak komunikasi berlisani dengan penggunaan sastera lisan sangat tinggi nilainya berbanding komunikasi era gadget.



Jika diimbau sejarah, rakyat India berhijrah ke Tanah Melayu sebagai pedagang dan pekerja ladang kopi, tebu, kelapa dan getah (Kurinjivendhan, 2015). Selepas kemerdekaan pada tahun 1957, masyarakat India mula menetap di Malaysia sebagai penduduk tetap dan diberi hak kewarganegaraan berserta bahasa, budaya dan agama yang bebas diikuti (Cheah Boon Kheng, 2002).

Sebelum merdeka lagi, beberapa bahasa etnik India seperti Telugu dan Malayam dituturkan oleh kaum India namun Tamil diberi status bahasa umum kaum India yang menetap di Malaya. Hal ini demikian kerana, masyarakat Tamil lebih ramai berbanding yang lain. Menurut hasil kajian Muhammad (2003), bancian pada tahun 1921



merekodkan penduduk India seramai 387 509 berbahasa Tamil, 39 936 berbahasa Telugu dan 17 790 berbahasa Malayalam. Maka terbentuklah sekumpulan masyarakat terbesar yang diserapkan menjadi masyarakat Tamil yang menggunakan Bahasa Tamil sebagai bahasa umum dalam pertuturan dan penulisan. Ini menggerakkan lagi pendidikan aliran Tamil di Malaysia. Dalam perkembangan pendidikan Bahasa Tamil di Malaysia, peranan guru-guru Bahasa Tamil amat bermakna.

Mengikut bancian terkini pula, populasi kaum India di Malaysia menjangkau 2.2 juta (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017). Majoriti masyarakat Tamil adalah masyarakat yang menyanjung tinggi bahasa ibunda yang menggelarnya sebagai *Tamilannai* iaitu bermaksud ‘Bahasa ibaratkan ibu’ (Murasu Nedumaran, 2007). Mereka meneruskan penggunaan bahasa ibunda dalam pertuturan dan penulisan hingga kini tanpa gagal dengan adanya pendidikan Bahasa Tamil di Malaysia yang rakyatnya bebas berbahasa ibunda.

Dari segi pendidikan, Bahasa Tamil di Malaysia mula bertapak di ladang-ladang penempatan masyarakat India dengan berbantuan buku-buku pembelajaran dari India dan Sri Lanka (Murasu Nedumaran, 2007). Keadaan ini berterusan hingga ke zaman Kurikulum Lama Sekolah Rendah dan Menengah, tetapi perlahan-lahan mengorak langkah untuk menyediakan sukatan dan buku terbitan tempatan yang berjiwa patriotik atau berlatar belakangkan Malaysia, demi membentuk perpaduan sejagat antara rakyat pelbagai bangsa dan kaum berteraskan Falsafah Pendidikan Negara.


Maka Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) Kementerian Pendidikan Malaysia menggubal dan melancarkan sistem Kurikulum Bersepadu iaitu, KBSR (1983) dan KBSM (1988). Seterusnya yang terkini KSSR (2011) dan KSSM (2017) diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia atas Dasar Tranformasi Pendidikan.



Rajah 1.1. Komponen Sastera Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil KBSR (2003) Dan KBSM (2010)

Sumber: Sukatan Pelajaran KBSR Bahasa Tamil, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysi (2003)

Sukatan Pelajaran KBSM Bahasa Tamil, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (2010)



Rajah 1.2. Komponen Sastera Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil KSSR(2012) Dan KSSM (2016)

Sumber: Dokumen Standard Bahasa Tamil KSSR, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (2012)

Dokumen Standard Bahasa Tamil KSSM, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (2016)




Dapat dilihat penambahbaikan dasar dan corak pendidikan di Malaysia dilakukan dari masa ke masa. Walaupun kandungan kurikulum kian mengalami perubahan namun tiada perubahan yang mendadak dalam pengisian kandungan sastera, kerana ianya berlaku dalam skala kecil mengikut kehendak masa dan pengisian sastera yang dipelajari sekian lama dikekalkan (Manimaran Govinthasamy, 2013).


Salah satu bentuk sastera lisan yang dipraktikkan dalam sukatan pelajaran Bahasa Tamil di Malaysia ialah *Palamoli*. Rajah 1.1 dan 1.2 menunjukkan pengisian komponen sastera Tamil dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil Rendah dan Menengah mengikut sistem pendidikan KBSR/KBSM dan KSSR/KSSM. Merujuk Rajah 1.1 dan 1.2 *Palamoli* diberi keutamaan dalam kurikulum supaya ianya boleh diadaptasikan dalam pertuturan harian secara berterusan tanpa halangan.

Subramaniam (2013), menegaskan bahawa *Palamoli* ialah garis panduan kehidupan, berdasarkan prinsip kepercayaan orang Tamil dan ia perlu diperkenalkan dengan berkesan di sekolah. Dalam hal ini guru-guru Bahasa Tamil di SJKT adalah golongan yang sering kali terdedah kepada ungkapan *Palamoli* terutamanya sewaktu pengajaran dan pembelajaran di kelas. Mereka ialah golongan terpenting dalam penyampaian dan penyebaran *Palamoli* di Malaysia.





Rajah 1.3. Pemeringkatan *Palamoli* Di Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil Pendidikan Rendah Dan Pendidikan Menengah



Rajah 1.4. Perbandingan Bilangan *Palamoli* Dalam Sukatan Pelajaran KBSR/KSSR Dengan KBSM/KSSM

Rajah 1.3 dan Rajah 1.4, menunjukkan taburan bilangan *Palamoli* dalam Sukatan Pelajaran KBSR/KBSM dan KSSR/KSSM. Maklumat KSSM tidak diperolehi sepenuhnya kerana sistem kurikulum ini masih dalam peringkat pelaksanaan awal. Perbandingan taburan *Palamoli* dalam Sukatan Pelajaran KBSR/KBSM dan KSSR/KSSM ini membuktikan pengurangan bilangan *Palamoli* daripada Kurikulum Bersepadu kepada Dokumen Standard agak ketara. Sebagai contoh sebanyak lapan (20%) *Palamoli* digugurkan sewaktu peralihan KBSR kepada KSSR di peringkat SJKT dan sebanyak empat (33%) *Palamoli* digugurkan di peringkat Sekolah Kebangsaan.

Bahasa sastera klasik mudah difahami dan dinikmati dengan adanya sastera lisan seperti *Palamoli* yang mesra masyarakat kerana ia sentiasa dipraktikkan dengan mudah dalam pertuturan harian. Menurut Sanbagam(1971), semua yang mampu berucap dan menyebarkan sastera lisan dalam pertuturan harian berhak menjadi ahli sastera. Sistem bahasa terdahulu juga boleh diketahui atau dikaji oleh generasi baru kini yang mengamalkan nilai bahasa perucapan yang serba kekurangan .

Sanbagam (1971), mengatakan sastera lisan Tamil harus dipertahankan kerana dasarnya mementingkan kebenaran hidup yang tidak terhingga. Keabadian sesuatu kesusasteraan adalah berasaskan sumbangan mesej kehidupan kepada masyarakatnya. Dahulu atau kini, kehidupan masyarakat Tamil berpegang pada tradisi klasik yang dibicarakan oleh kebanyakan ungkapan *Palamoli*. Maka tidak hairanlah, sastera lisan *Palamoli* masih dipertuturkan dan diperdebatkan oleh masyarakat Tamil. Namun menurut

tokoh Bahasa Tamil Kampar Kanimoli (2018), generasi kini tidak berapa peka akan keunikkan dan keistimewaan penggunaan *Palamoli* dalam membimbing atau memberi nasihat dengan cara yang kurang menyakitkan hati.

Ungkapan pertuturan bijak yang tidak lagi berkaitan digugurkan dari himpunan ungkapan harian, manakala ungkapan bijak baru dicipta untuk mencerminkan adat istiadat dan nilai-nilai semasa. Ungkapan bijak purba yang masih dalam edaran mungkin mencerminkan nilai-nilai sejarah dan budaya yang lebih tinggi daripada nilai-nilai semasa.

(Wolfgang Mieder, 1994)

Palamoli yang disanjung tinggi sebagai ungkapan bijak dalam sastra lisan klasik Tamil sudahpun diturunkan ke hasil penulisan seperti novel, cerpen, cereka, rencana, drama, berita, karangan akademik, jurnal dan sebagainya. Namum pada hakikatnya, *Palamoli* perlu diadaptasikan dalam pertuturan dengan tepat dan sesuai supaya terus dihargai oleh masyarakat berpendidikan ataupun tidak berpendidikan.

Bahasa pertuturan atau penulisan tanpa unsur-unsur kesusasteraan seperti *Palamoli*, bersifat sederhana, tidak menonjol dan kurang menarik perhatian pendengar atau pembaca. Unsur-unsur kesantunan, rujukan dan perumpamaan juga mampu memperhebatkan penghujahan (Nyanasegar, 2013). Adalah menjadi kemestian kehadiran unsur-unsur sastra seperti *Palamoli* dalam pertuturan dan penulisan supaya dapat memanfaatkan bahasa dan penggunaanya.

Palanisamy (1994) menasihatkan supaya jangan ketepikan *Palamoli* dengan alasan ia merupakan ungkapan kuno yang tidak sesuai diadaptasikan di zaman kini. Menurut beliau, hargailah *Palamoli* sebagai pusaka pengalaman yang ditinggalkan oleh nenek moyang kepada kita agar kita memperoleh pedoman untuk terus mengharungi cabaran hidup seharian. Konsep *Palamoli* amat mendalam dan bermakna dalam mengharungi cabaran kehidupan sepanjang zaman. Mesejnya tidak dilapuk masa dan setia bersama manusia sebagai sastera lisan.

Maka suatu kajian tunas yang terulung telah dijalankan untuk mengetahui sejauh manakah tahap pertuturan *Palamoli* dalam kalangan guru-guru Bahasa Tamil di Daerah Kinta. Kajian ini juga disokong oleh pandangan Venugopal (2013), hidupnya suatu bahasa terletak pada tahap penggunaannya maka tiada kehidupan bagi bahasa yang tidak dipertuturkan.

1.3 Pernyataan Masalah

Penggunaan bahasa klasik telah berkurang dalam edaran zaman. Kata-kata generasi kini telah hilang estetika dan kehilangan beberapa ratusan kata dasar dan perkataan untuk setiap generasi (Pachaibaalan, 2012). Bahasa yang dipertuturkan haruslah memaparkan keindahan, kesantunan, kehalusan dan unsur kiasan seperti yang disumbangkan oleh *Palamoli* sebagai penyubur Bahasa Tamil.



Bagi memastikan titik tumpuan permasalahan dan arah tuju kajian ini tidak tersasar daripada matlamat, satu tinjauan awal dijalankan sewaktu sesi temuramah bersama Kampar Kanimoli, salah seorang Tokoh Bahasa Tamil di Malaysia dan Mageswari Thanggaraju, seorang guru Bahasa Tamil. Tinjauan awal ini dipertimbangkan atas dasar sumbangan Kampar Kanimoli sebagai seorang Tokoh Bahasa Tamil yang banyak memberikan sumbangan dalam kesusasteraan Tamil klasik dan moden manakala Mageswari Thanggaraju sebagai guru Bahasa Tamil yang berpengalaman 28 tahun dan berkedudukan tinggi dalam penyebaran dan pengukuhan Bahasa Tamil di peringkat Pendidikan Rendah dan Menengah. Tambahan pula, mereka juga mempunyai jangkauan pengaruh bahasa yang lebih besar dalam kalangan masyarakat.



Pada dasarnya mereka berdua ditemuramah sebagai penyumbang maklumat umum situasi semasa penggunaan *Palamoli*. Namun, temuramah bersama mereka turut bertindak sebagai perwakilan sebahagian kecil mekanisme pertuturan yang berfungsi sebagai sumber alternatif untuk memantau penggunaan *Palamoli* dalam pertuturan guru-guru Bahasa Tamil SJKT secara umumnya. Kedua-dua temuramah direkod dan ditinjau dari segi penggunaan *Palamoli* dalam pertuturan lazim yang tidak terbatas. Dapatan tinjauan awal ini melaporkan penggunaan *Palamoli* tidak memberangsangkan daripada kedua-dua pihak. Masing-masing hanya mempertuturkan seungkapan *Palamoli* sepanjang sesi temuramah. Hasil tinjauan awal ini amat tepat dalam mempamerkan bukti yang ketara terhadap permasalahan yang dikaji.



Apabila ditanya berkait pertuturan *Palamoli* yang tidak memberangsangkan itu, Kamar Kanimoli dan Mageswari Thanggaraju menjelaskan bahawa sesi temuramah yang direkod difahamkan sebagai interaksi terkawal. Situasi temuramah berkenaan hanya memberikan peluang yang terhad untuk pertuturkan *Palamoli*. Menurut mereka lagi, mod temuramah ini berbeza dari segi konteks pertuturan lazim yang lebih bebas dan terbuka yang boleh memuatkan lebih banyak *Palamoli*.

Kamar Kanimoli (2018), telah berkongsi sedikit sebanyak pendapat mengenai kedudukan tahap penggunaan *Palamoli* di Malaysia dalam situasi terkini. Menurut beliau tahap penggunaan *Palamoli* boleh dipengaruhi oleh faktor peringkat umur, jantina dan tempat tinggal. Kekerapan penggunaan, ketepatan dan kejelasan *Palamoli* mungkin berbeza mengikut pengalaman dan pengetahuan masing-masing. Saban hari dilihat penggunaan *Palamoli* semakin berkurang terutamanya dalam kalangan generasi muda. Situasi ini jelas memberikan cabaran yang besar kepada proses pembangkitan semula sastera lisan ini. Panduan daripada golongan tua amat diperlukan oleh golongan muda dalam tradisi penerusan sastera. Namun hakikatnya ,

Orang dewasa biasanya gagal untuk menyelami maksud kata-kata anak. Anak remaja enggan mendengar kata-kata orang tua sebab bagi mereka orang tua sudah ketinggalan zaman dan tidak dapat memahami kehendak mereka. Jurang generasi membahagikan kita. Umumnya manusia lebih suka mendengar kata-kata daripada orang yg hampir sebaya sebab selalunya terdapat persamaan atau keserasian minat dan sikap antara mereka.

(Abdul Mua'yi @ Zamri Ahmad, 2001)

Kamper Kanimoli (2018) juga bertambah pentafsiran *Palamoli* sering kompleks di kalangan generasi muda. *Palamoli* banyak digunakan dalam perbualan orang dewasa berbanding kanak-kanak. Kanak-kanak selalunya mentafsir *Palamoli* dalam erti kata sebenar, kerana mereka belum mahir akan kemahiran metafora. Ketidakupayaan kritis dan analitis di kalangan remaja juga menjadi halangan penggunaan *Palamoli* dalam pertuturan harian. Masalah sebegini begitu ketara dalam komuniti bandar yang lebih kompleks dan canggih kehidupan hariannya dengan gajet yang menyetepikan nilai tradisi sastera.

Menurut pengalaman Mageswari Thanggaraju (2018), beliau bahawa, pelajar-pelajar mempelajari *Palamoli* kerana ianya adalah sebahagian daripada kurikulum dan sekadar menjawab soalan dalam peperiksaan. Minat tersendiri terhadap penggunaan *Palamoli* tidak ditunjukkan oleh pelajar kecuali guru sendiri kerap menggunakan dalam perbualan bersama pelajar setiap hari. Peranan guru lebih kepada teladan dan melatih apabila menimbulkan situasi penggunaan sastera dalam kehidupan harian.

Walau apapun penyebabnya, fenomena ini akan memberikan kesan kepada penggunaan *Palamoli* dalam pertuturan harian masyarakat moden kini. Makin kurang bilangan *Palamoli* yang diajar di bilik darjah maka makin kurangnya penggunaan dalam situasi sebenar kehidupan harian. Hidupnya sastera adalah melalui penambahan pengetahuan dan kekerapan penggunaannya dalam bilik darjah dan seterusnya ia

diadaptasikan dalam hidupan harian. Tanggungjawab ini telah lama dipikul oleh guru-guru Bahasa Tamil di negara ini.

Objektif pembelajaran *Palamoli* juga diuji di peringkat penilaian UPSR, PT3 dan SPM. Di tahap STPM subjek Kesusasteraan Tamil tidak dimuatkan *Palamoli* (Buku Teks Bahasa Tamil STPM, Sem 1,2 dan 3, 2016). Ia diajar di peringkat rendah dan menengah sahaja dengan harapan pendidikan awal ini dapat memberikan pengetahuan dalam penggunaan *Palamoli* dan akan diadaptasikan ketika bertutur dan menulis sewaktu di Pendidikan Tinggi secara spontan dan semula jadi.

Abitha Sababathi (2013), merakamkan pendapat dan kebimbangan tentang situasi kurang kesedaran terhadap khazanah bahasa lisan ini. Kesusasteraan rakyat ialah akar umbi pembentukan tamadun. Adalah menjadi persoalan sama ada kesusasteraan rakyat seperti *Palamoli* masih boleh diterima oleh penduduk pengasasnya (Abitha Sababathi, 2013).

Mana-mana bahan kesusasteraan rakyat yang tidak lagi wujud dalam ingatan manusia akan hilang sepenuhnya. Jika sesuatu kesusasteraan rakyat biasa habis lenyap sama sekali, sebenarnya ia suatu proses yang sangat perlahan kerana ia adalah kebiasaan pengurangan ulangan dalam pertuturan harian. Pendapat seumpama ini menimbulkan persoalan, adakah sastera lisan rakyat *Palamoli* juga berhadapan dengan isu kepupusan?



Perlu disedari bahawa, kesusasteraan tidak tercipta hanya semata-mata untuk menghiburkan, melainkan lebih penting daripada itu adalah untuk menggarapkan sesuatu pemikiran dan pengetahuan yang berguna kepada pembaca dan masyarakat (Hashim Awang, 2015). Pandangan ini menimbulkan persoalan, apatah gunanya ada sastera untuk kita sekiranya tidak dihargai dan digunakan dalam kehidupan harian. Tidak dinafikan bahawa, walaupun *Palamoli* diwarisi turun temurun dalam pertuturan harian dan diterapkan dalam kurikulum, namun penggunaan dalam erti kata sebenar dalam kehidupan harian tidak memberangsangkan.

Merujuk Shanmugam (2013), sesudah zaman persekolahan, kebanyakan orang tidak membaca atau menulis dalam Bahasa Tamil. Mereka hanya mampu mengamalkan kemahiran mendengar dan bertutur, sepertimana di Malaysia dan Singapura pertuturan Bahasa Tamil masih mantap dan kukuh.

Maka pengkaji berpendapat sudah tiba masanya untuk menganalisis tahap penggunaan *Palamoli* dalam pertuturan guru-guru Bahasa Tamil dengan harapan untuk mempertahankan komponen sastera lisan ini. Ini kerana guru Bahasa Tamil mempunyai tugas dan tanggungjawab yang mencabar dalam isu penyebaran sastera lisan *Palamoli*. Mereka menjadi sumber terdekat bagi pengetahuan *Palamoli* sejak zaman kanak-kanak di sekolah. Guru memperkenalkan *Palamoli* dan menerapkannya dalam kehidupan murid.



Sebagaimana Nabi Muhammad SAW bersabda, “Kata-kata yang baik itu satu sedekah (berpahala)”, *Palamoli* harus disanjung tinggi dan dipraktikkan dalam kehidupan harian. Situasi ini juga telah mewujudkan perasaan ingin tahu penyelidik tentang tahap penggunaan *Palamoli* dari segi kekerapan pertuturan, golongan sasaran pertuturan *Palamoli*, tujuan pertuturan *Palamoli* dan kesan pertuturan *Palamoli* dalam kalangan guru-guru Bahasa Tamil di Daerah Kinta.

Rumusannya, kajian ini akan menitikberatkan analisis penggunaan *Palamoli* dalam pertuturan guru-guru bahasa Tamil yang menjadi pengajar, pengamal dan penyebar Bahasa Tamil yang utama khususnya di Malaysia. Dalam melaksanakan peranan tersebut, warga guru menjadi titik tumpuan segala permasalahan yang dikaitkan dengan bahasa dan penggunaannya. Fenomena penggunaan *Palamoli* yang semakin tipis seharusnya diberi perhatian daripada golongan guru bahasa Tamil lagi kerana warisan lama yang hilang sukar dicari gantinya ibarat Pepatah Melayu “patah tumbuh, hilang tak berganti.”

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif berikut :

- i. Menenal pasti kekerapan penggunaan *Palamoli* dalam pertuturan guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Daerah Kinta.

- ii. Melihat pengaruh faktor demografi terhadap kekerapan penggunaan *Palamoli* dalam pertuturan guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Daerah Kinta.
- iii. Menganalisis tujuan penggunaan *Palamoli* dalam pertuturan guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Daerah Kinta.
- iv. Menganalisis kesan penggunaan *Palamoli* dalam pertuturan guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Daerah Kinta.

1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan permasalahan dan objektif kajian, penyelidik telah menetapkan lima soalan kajian seperti berikut :

- i. Apakah kekerapan penggunaan *Palamoli* dalam pertuturan guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Daerah Kinta?
- ii. Sejauh manakah faktor demografi mempengaruhi kekerapan penggunaan *Palamoli* dalam pertuturan guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Daerah Kinta?
- iii. Apakah tujuan penggunaan *Palamoli* dalam pertuturan guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Daerah Kinta?
- iv. Apakah kesan penggunaan *Palamoli* dalam pertuturan guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Daerah Kinta?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap penggunaan *Palamoli* dalam pertuturan guru-guru Bahasa Tamil di Daerah Kinta dengan perincian kekerapan pertuturan, golongan sasaran pertuturan, tujuan pertuturan dan kesan pertuturan *Palamoli*. Kajian ini penting dalam hal menyelidik, mencungkil dan mempersembahkan dapatan baru untuk memartabatkan *Palamoli* bukan sahaja dalam kalangan guru-guru Bahasa Tamil SJKT malah keseluruhan masyarakat Tamil di Malaysia.

Kajian ini adalah penting untuk memupuk kesedaran para guru Bahasa Tamil terhadap pentingnya peranan mereka sebagai pengguna sastera lisan *Palamoli*. Menyedari kepentingan tersebut guru berperanan dalam perluasan penggunaan *Palamoli* dalam pertuturan harian. Selain membantu dalam pelaksanaan kurikulum, guru-guru menjadi model terpenting dalam penyebaran *Palamoli* melalui pendidikan dan situasi harian. Peningkatan dan penerusan penggunaan *Palamoli* di samping pembaharuan *Palamoli* adalah hasil usaha dan perjuangan yang panjang dari golongan guru Bahasa Tamil.

Kajian ini bermatlamat untuk menyemarakkan semangat bahasa di samping memantapkan bahasa dengan penggunaan *Palamoli* khususnya dalam kalangan guru Bahasa Tamil di Malaysia. Kajian ini juga penting untuk memberikan kesedaran dalam penghayatan keunikan pertuturan *Palamoli*. Ia dapat memberikan penekanan kepada penggunaan *Palamoli* dalam kalangan guru-guru Bahasa Tamil Sekolah dan seterusnya



masyarakat Tamil moden kini. Diharapkan kajian ini memantapkan lagi penggunaan *Palamoli* dalam kalangan guru-guru Bahasa Tamil SJKT Daerah Kinta dengan menimbulkan perasaan bertanggungjawab dan mendukung amanah sebagai pengamal bahasa dan pelindung bahasa.

Secara tidak langsung ini juga adalah suatu usaha menyelidik tahap penggunaan *Palamoli* terutamanya dari segi keberkesanan kurikulum terhadap pembelajaran *Palamoli* di sekolah. Pelbagai aspek boleh diusulkan bagi menyemarakkan lagi penggunaan *Palamoli* sekiranya kajian ini dapat menerbitkan data sebenar tahap penggunaan *Palamoli* dalam kalangan guru-guru Bahasa Tamil Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Daerah Kinta. Ini kerana kajian ini merupakan kajian terulung di Malaysia yang meninjau tahap penggunaan *Palamoli*.

Pada masa yang sama, kajian ini boleh dimanfaatkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) di bawah KPM boleh menggunakan dapatan kajian ini sebagai maklum balas keberkesanan kandungan dan pembelajaran *Palamoli* dalam sukatan pelajaran Bahasa Tamil bermula daripada warga guru Bahasa Tamil. Sekiranya perlu BPK boleh mengkaji semula sukatan dan melakukan penambahbaikan yang sewajarnya bagi peningkatan penggunaan *Palamoli* dalam penulisan dan pertuturan harian.



Sejajar dengan itu, penerbitan buku teks yang relevan, bermutu dan berinformasi terkini juga boleh memberikan sumbangan dalam menangani masalah ini. Berpandukan kajian ini, para pengarang buku teks dapat mengambil langkah untuk memuatkan lebih *Palamoli* selain daripada sukatan pelajaran sebagai pengetahuan tambahan. *Palamoli* yang baru boleh diselitkan dalam petikan ataupun cerita sebagai penambahan ilmu ungkapan klasik ini. Hal ini pasti akan membuka jalan kepada murid untuk mengenali *Palamoli* yang baru dan memperluaskan penggunaannya serta mencegah daripada kepupusan.

Tambahan pula, hasil kajian ini juga boleh menggalakkan penulisan buku-buku fiksiyen dan bukan fiksiyen yang memuatkan *Palamoli* dengan wajah dan rumusan baharu dalam penggunaan *Palamoli*. Ini adalah cara paling pintar untuk kesan jangka masa yang panjang dalam menggalakkan penggunaan *Palamoli* secara bacaan dan seterusnya sehati dalam pertuturan. Selama ini banyak buku-buku *Palamoli* diterbitkan dengan hanya memberikan fokus kepada koleksi pengumpulan *Palamoli* dan penterjemahan maksud untuk bacaan umum ataupun untuk murid-murid sekolah.

Walaupun skala kecil kajian ini hanya bertumpu kepada populasi guru-guru Bahasa Tamil di Daerah Kinta, namun keputusannya dapat memberikan pandangan generalisasi terhadap guru-guru Bahasa Tamil di negeri Perak secara umum walaupun tidak diselidik secara meluas di Perak. Hal ini kerana kajian tinjauan ini melalui prosedur pengujian yang sah dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dengan perincian

skala Likert. Kesimpulan kajian dapat ditarik kepada seluruh guru-guru Bahasa Tamil di negeri Perak dalam isu tahap penggunaan *Palamoli* yang juga merupakan isu umum bahasa dan sastera. Manakala, penilaian kajian ini akan menjadi asas yang kukuh dalam menyediakan golongan guru-guru Bahasa Tamil di negeri Perak menghadapi cabaran mempertahankan *Palamoli* dalam pertuturan harian.

Kajian ini juga merupakan sumber rujukan fakta bagi topik perdebatan atau perucapan mengenai penggunaan *Palamoli* di Malaysia kerana tidak ada kajian khusus yang menjurus kepada analisis penggunaan *Palamoli*. Tambahan pula, kajian ini menjadi pendorong terbesar yang membuka peluang kepada kajian lanjutan berkait komponen sastera lisan *Palamoli*. Kajian ini akan menjadi rujukan analisis asas kepada penyelidikan masa depan yang berfokuskan penggunaan *Palamoli* lalu memperluaskan bidang penyelidikan berkait *Palamoli*.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini berfokus kepada tahap penggunaan *Palamoli* dalam pertuturan 130 orang guru Bahasa Tamil di 23 buah SJKT yang terletak di Daerah Kinta. Objektif kajian hanya bertumpu kepada mekanisme pertuturan dan bukannya penulisan.

Pada peringkat permulaan, batasan permasalahan kajian diteliti dengan dua temubual tidak berstruktur bersama seorang Tokoh Bahasa dan seorang Guru Mata Pelajaran Bahasa Tamil untuk memahami masalah kajian secara umum. Pandangan kalian diambil kira dengan pertimbangan mereka adalah antara golongan yang terlibat secara langsung dengan pengajaran, pemerhatian, pertimbangan dan penilaian situasi sebenar penggunaan *Palamoli* dalam pertuturan harian golongan guru Bahasa Tamil dan masyarakat Tamil secara umumnya.

Dari sudut pendidikan, batasan penggunaan *Palamoli* dalam pertuturan dihadkan kepada kandungan *Palamoli* dalam Kurikulum Bahasa Tamil Pendidikan Rendah (KBSR/KSSR) dan Menengah (KBSM/KSSM) berserta huraian pengajaran dan pembelajaran *Palamoli*. Hal ini kerana responden kajian terdiri daripada bekas murid sistem pendidikan KBSR dan KBSM. *Palamoli* yang digariskan dalam kurikulum semasa iaitu KSSR dan KSSM hanya digunakan sebagai faktor perbandingan dengan KBSR dan KBSM dalam pengkajian masalah kajian ini.

1.8 Definisi Operasional

Kajian ini berusaha untuk mendapatkan data tahap penggunaan *Palamoli* dalam pertuturan guru-guru Bahasa Tamil SJKT di Daerah Kinta dari segi kekerapan pertuturan, golongan sasaran pertuturan, tujuan pertuturan dan kesan pertuturan *Palamoli*.



1.8.1 Guru-Guru Bahasa Tamil SJKT

Di Malaysia guru-guru dilatih secara profesional di Institut Perguruan Malaysia sebelum ditempatkan di sekolah. Mereka dilatih khusus dalam pedagogi pendidikan dan ilmu pendidikan.

Guru-guru Bahasa Tamil SJKT memberikan sumbangan besar dalam penulisan karya tempatan sejak dahulu lagi. Kebanyakan pengarang, penyajak ataupun sasterawan Bahasa Tamil di Malaysia terdiri daripada golongan guru-guru SJKT sama ada yang masih berkhidmat ataupun bersara (Murasu Nedumaran, 2007).



Guru-guru Bahasa Tamil SJKT merupakan golongan terpenting dalam pengenalan dan penyebaran bahasa dan sastera dalam kalangan masyarakat Tamil di Malaysia sepanjang zaman. Segala pencapaian atau kemajuan berhubung Bahasa Tamil berkait rapat dengan penglibatan guru-guru Bahasa Tamil SJKT. Mereka menjadi peneraju pembangkitan Bahasa Tamil dalam kalangan generasi muda.

1.8.2 *Palamoli*

Kajian ini berfokuskan komponen sastera lisan klasik Bahasa Tamil *Palamoli* yang masih dipertuturkan dalam kalangan masyarakat Tamil di Malaysia. *Palamoli* ialah sastera





rakyat yang mencerminkan kehidupan masyarakat Tamil. Pengalaman dan budaya masyarakat Tamil diturunkan melalui ungkapan *Palamoli*. Ia juga berguna sebagai petua orang tua dalam menghadapi cabaran hidup dan menyelesaikan masalah dengan berhemah (Muthukumar, 2000). Segala impak yang terhasil daripada karya-karya sastera yang lain juga terhasil dengan penggunaan sastera lisan *Palamoli* (Senthurai Muthu, 1965).

Jika ditinjau sastera Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris *Palamoli* boleh disamakan dengan Pepatah Melayu dan *Proverbs*. Konsep dan fungsi *Palamoli*, Pepatah Melayu dan *Proverbs* hampir menyerupai. Persamaan ini dipaparkan melalui hujah-hujah di bawah.



Pemikiran Melayu disampaikan secara tersurat dan tersirat dalam Peribahasa Melayu. Peribahasa Melayu merupakan satu susunan bahasa yang menarik, indah, berlapis dan memiliki ciri kehalusan budi pekerti pencipta dan penuturnya. Rakaman pemikiran dan falsafah bangsa Melayu diungkapkan menggunakan bahasa dengan bersumberkan alam flora, alam fauna, alam benda dan alam semesta bagi menyampaikan teladan, perbandingan, pengajaran, sejarah, nilai dan peraturan hidup dan sebagainya bagi membawa pengertian yang cukup mendalam. Melalui kata-kata yang digunakan dalam Peribahasa sama ada secara tersurat ataupun tersirat telah menyerlahkan nilai keindahan dan kesantunan berbahasa yang wujud dalam budaya Melayu yang diwarisi sejak turun temurun sebagai satu warisan budaya yang sentiasa dipelihara.

(Zaitol Azma & Ahmad Fuad, 2011)

Proverbs are words of wisdom or simple hometruths expressed in a sentence, often metaphoric in nature. They basically deal with dictates on the disciplined and proper conduct of one's life. The study of Proverbs is called Paremiology and the origin of Proverbs can be traced as far as the



times of the great Philosopher Aristotle. But the authors of most of the Proverbs are unknown.

(Mira Balachandran, 2008)

Walaupun pengajaran *Paḷamoli* dijadikan kemestian dalam kurikulum Bahasa Tamil di Malaysia, ungkapan klasik ini semakin hilang dalam penggunaan harian masyarakat akibat kebangkitan permodenan (Kamala Kanthasamy, 1996). Berikut adalah contoh *Paḷamoli* yang diterapkan dalam kurikulum Bahasa Tamil.

i) அள்ளாது குறையாது இல்லாது பிறவாது

Alḷātu kuraiyātu illātu piṛavātu

ii) ஆடிப்பட்டம் தேடி விதை

Āṭippaṭṭam tēṭi vitai

1.8.3 Pertuturan

Menurut kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka Edisi keempat (2010) pertuturan ialah:

- i) Cara atau gaya menuturkan sesuatu; lafaz; sebutan; ucapan.
- ii) Apa yang dituturkan atau percakapan sehari-hari oleh orang ramai.

Secara amnya, penggunaan *Paḷamoli* boleh diterjemahkan dalam dua medium, iaitu medium lisan dan bertulis. Dalam erti kata sebenar, pertuturan adalah medium

primer *Palamoli*. Merujuk kajian ini, medium lisan iaitu mekanisme pertuturan dipilih sebagai medium penyampaian *Palamoli*. Penggunaan *Palamoli* lebih menonjol dalam pertuturan harian daripada penulisan kerana penyampaian dan konsekuensinya lebih cepat.

1.9 Kesimpulan

Sastera lisan *Palamoli* bukan hanya berfungsi sebagai komponen sastera Tamil tetapi ia menjadi lambang serta identiti budaya dan kehidupan masyarakat Tamil. Selain menjadi penyeri bahasa *Palamoli* menyampaikan ilmu kehidupan dan menggalakkan komunikasi bermesej. Generasi kini beranggapan bukanlah sesuatu yang pelik jika mereka tidak pertuturkan *Palamoli*. Masalah itu berpunca daripada sikap dan mentaliti sebahagian masyarakat Tamil yang tidak menitikberatkan pembelajaran sastera dan penggunaannya dalam kehidupan harian.

Dalam hal ini guru-guru Bahasa Tamil SJKT menjadi harapan besar untuk membangkitkan semula pertuturan *Palamoli* dalam kalangan masyarakat Tamil moden. Dalam isu penurunan dan penyebaran sastera lisan *Palamoli*, guru-guru Bahasa Tamil SJKT bertindak sebagai model dan peneraju. Perubahan yang diinginkan harus terjadi dalam diri guru dulu. Inilah sesungguhnya makna guru sebagai pelaku perubahan dan teladan kepada masyarakat. Maka kajian ini telah mengorak langkah untuk membuat tinjauan ke atas tahap penggunaan *Palamoli* dalam pertuturan guru-guru Bahasa Tamil SJKT Daerah



Kinta sebagai langkah awal ke arah menghidupkan semula penggunaan *Palamoli* dalam pertuturan harian masyarakat Tamil di Malaysia.

